

# Langkah mengekang kesan kelembapan ekonomi AS Pakej rangsang ekonomi

BH 28 MAR 2001

● Belanjawan 2001 ditambah RM3 bilion untuk menokok 1.1 peratus kepada pertumbuhan KDNK.

● Dana pembiayaan RM500 juta bagi pemulihan dan pembangunan IKS diperkenalkan.

● Peraturan pengambilalihan ekuiti dan aset oleh pelabur asing dilonggarkan.

● Caruman KWSP pekerja dikurangkan daripada 11 peratus kepada 9 peratus selama setahun.

● Pertumbuhan pinjaman institusi kewangan disasarkan meningkat 8 peratus.

## Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa – Kerajaan hari ini mengemukakan beberapa tindakan bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS), termasuk menyuntik RM3 bilion untuk belanjawan tambahan dan mengurangkan caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak dua peratus.

Tindakan itu adalah antara langkah berjaga-jaga bagi memapankan momen-

tum pertumbuhan ekonomi negara berikutan ekonomi Amerika Syarikat dijangka lebih teruk daripada yang dijangka sebelum ini.

Langkah lain ialah meningkatkan perbelanjaan, mengurangkan lebihan hartanah, melonggarkan peraturan berkaitan pemilikan ekuiti asing, meneruskan dasar kewangan terbuka, galakan pembiayaan industri kecil dan sederhana (IKS),

mengalakkan sektor perkhidmatan serta mengekalkan tambatan ringgit pada kadar RM3.80 bagi setiap

runtukan RM3 bilion itu adalah tambahan kepada RM28.8 bilion yang sudah diluluskan bagi Belanjawan

laskan, untuk meningkatkan lagi perbelanjaan, caruman pekerja dalam KWSP dikurangkan dua pe-

● Kerajaan cari jalan elak syarikat asing buang pekerja – Muka 2

● PM ajak Pas pertahan kedaulatan orang Melayu – Muka 4

dolar Amerika.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkannya pada sidang akhbar di sini berkata, pe-

2001, bagi meningkatkan lagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 1.1 peratus.

Perdana Menteri menje-

ratus untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun.


Ini bermakna sumbangan pekerja kepada KWSP yang sebelum ini 11 pera-

● Cukai kad kredit RM50 dihapuskan.

● Pinjaman bank untuk pembelian saham dan saham amanah ditambah.



● Promosi menggalakkan pelancongan ditingkatkan.



# Boleh buat pinjaman kenderaan setiap lima tahun

BH 28 MAR 20  
DARI MUKA 1

(ERDF), dengan peruntukan berjumlah RM500 juta, akan diperkenalkan.

Katanya, untuk menggalakkan penjualan kenderaan penumpang, kakitangan kerajaan layak mendapat pinjaman kenderaan setiap lima tahun berbanding tujuh tahun sekarang dan layak mendapat pinjaman setelah berkhidmat selama satu tahun.

Bagi mengurangkan lebihan hartanah, insentif yang disediakan ketika kempen pemilikan rumah ditawarkan semula, berkuat kuasa serta-merta, manakala pihak berkuasa pula tidak akan meluluskan sebarang pembinaan baru ruang pejabat dan komersial.

Perdana Menteri berkata, perubahan juga dibuat ke atas Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) berkaitan ekuiti asing di samping pemilikan hartanah dan aset oleh orang asing. Butiran lanjut mengenai ini akan diumumkan tidak lama lagi.

"Bagi meneruskan dasar kewangan yang terbuka, institusi-institusi kewangan perlu mencapai pertumbuhan pinjaman tahunan lapan peratus. Bank Negara pula akan menyemak kembali tahap siling semasa bagi pembelian saham dan amanah saham," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan menggalakkan sektor perkhidmatan, terutama pelancongan, di samping mempromosikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai pusat serantau dan menggalakkan lebih banyak penggunaan pelabuhan.

Selain itu, katanya, projek baru sudah dikenal pasti untuk dilaksanakan secepat mungkin. Kerajaan juga akan mengendalikan pelaksanaan projek infrastruktur kemudahan utama seperti projek empangan hidro-elektrik Bakun.

tus, menjadi sembilan peratus, berkuat kuasa mulai 1 April. Bagaimanapun, sumbangan majikan bagi pihak pekerja kepada KWSP, kekal pada kadar 12 peratus.

Beliau berkata, kerajaan juga akan menggalakkan penggunaan kad kredit dengan melupuskan cukai RM50 ke atas kad kredit yang diperkenalkan pada 1997.

Bagi menggalakkan pembiayaan industri IKS, dana

untuk makanan akan ditambah sebanyak RM300 juta menjadi RM1.3 bilion, Tabung Usahawan Baru (TUB) pula ditambah menerima dana tambahan RM250 juta, kepada RM1.5 bilion, manakala Dana IKS ditambah kepada RM400 juta.

Dr Mahathir berkata, satu lagi dana baru, Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan

**LIHAT MUKA 2**

Bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji semula pertumbuhan KDNK iaitu tujuh peratus tahun ini, kepada lima atau empat peratus, memandangkan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat lebih teruk daripada yang dijangka.

“Walaupun dengan kajian semula angka pertumbuhan ini, Malaysia masih lagi mendahului negara-negara lain,” katanya sambil menambah, kerajaan akan terus mengekalkan tabatan ringgit-dolar AS pada RM3.80.

Ditanya bagaimana kerajaan membiayai belanjawan tambahan RM3 bilion itu, Dr Mahathir berkata butiran lanjut sedang dirangka oleh Kementerian Kewangan.

“Tetapi kita tahu kita boleh memperolehi wang sebanyak itu. Belanjawan tambahan ini adalah untuk tahun ini. Untuk tahun depan, kerajaan akan mengkaji sama ada akan terus meningkatkan belanjawan bagi merangsang ekonomi,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, satu pasukan khas juga diwujudkan di Kementerian Kewangan bagi memantau pelaksanaan projek baru dan projek yang sudah diluluskan.

“Malah, kementerian dikehendaki memberi laporan setiap minggu kepada saya mulai sekarang mengenai bagaimana wang dibelanjakan. Jika lambat, kita mahu mereka memberi penjelasan. Kita mahu wang yang diperuntukkan, dibelanjakan,” katanya.

Mengenai langkah menggalakkan kepenggunaan, Dr Mahathir menjelaskan ia bertujuan untuk menggalakkan orang ramai berbelanja lebih.

“Saya rasa setiap kali seseorang berbelanja, mereka menyumbang kepada rangsangan ekonomi. Malah, jika mereka berbelanja, membeli sesuatu... ada orang dapat untung dan seperti diketahui, kerajaan mengenakan cukai ke atas keuntungan itu,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang mengurangkan kadar faedah, beliau berkata kadar faedah di negara ini adalah rendah berbanding banyak negara lain di rantau ini. Malah, kadar itu banyak membantu sektor perniagaan mendapatkan pembiayaan.